

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI RABU, 26 JULAI 2006, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 22

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1132-L1043
Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan prestasi eksport negara di dalam sektor pembuatan di dalam tempoh lima tahun terakhir ini dan daripada angka-angka ini apakah jajaran pembangunan sektor pembuatan bagi tempoh lima tahun akan datang.
2. PN-1132-L1093
Tuan Osman bin Bungsu minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan mengapakah pergerakan gred gaji guru baru terlalu perlahan berbanding dengan pegawai awam lain seperti Pegawai Tadbir Diplomatik (PTD), sebagai contoh untuk mencapai tangga gaji Gred 44 seorang guru perlu berkhidmat lebih daripada 13 tahun dan pegawai PTD hanya perlu berkhidmat hanya 4 tahun sedangkan asas kelayakan akademik mereka adalah sama.
3. PN-1132-L1083
Tuan Lee Chee Keong minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah cukai pendapatan syarikat yang telah dibayar oleh Petronas dari tahun 2000 hingga 2004.
4. PN-1132-L1251
Datuk Armani binti Haji Mahiruddin minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan mengenai pesakit mental dan peminta sedekah yang berkeliaran di bandar raya. Apakah langkah-langkah positif untuk menempatkan golongan tersebut di tempat yang sesuai agar tidak mencatitkan pemandangan mata terutama kepada para pelancong yang datang berkunjung ke negara ini.

5. PN-1132-L1267
Dato' Omar bin Faudzar minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mengehadkan pembelian unit-unit saham amanah yang dikeluarkan oleh PNB dan berapa ramai yang telah membeli unit-unit saham tambahan RM 1 bilion oleh Dana Amanah Saham Malaysia.
6. PN-1132-L848
Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan langkah utama yang sedang diambil untuk mengatasi masalah pertambahan pengambilan pekerja asing sehingga meningkat 5 juta orang menjelang 2020 seperti yang diramalkan oleh Kementerian Sumber Manusia.
7. PN-1132-L945
Tuan Lee Sing Chooi minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah peratusan pembayaran yang terlebih, telah dikembalikan kepada pembayar dalam Sistem Taksir Sendiri Cukai Pendapatan yang dilaksanakan pada tahun 2005 dan bilakah kesemua baki dapat dibayar balik.
8. PN-1132-L1143
Tuan Fatanah bin Datuk Haji Ahmad minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan sejauh mana kesan slogan 'Saya Anti Rasuah' oleh PDRM dapat mengurangkan jenayah rasuah dalam PDRM.
9. PN-1132-L1125
Tuan Krishnan a/l Tan Sri Dato N.S Maniam minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan terhadap pekerja-pekerja ladang yang terjejas akibat daripada projek-projek pembangunan ladang-ladang.
10. PN-1132-L1200
Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan kenapa setelah Kementerian mengambil alih Majlis IT Nasional (NITC) dari MIMOS, aktiviti untuk membudayakan ICT dalam negara seperti program-program INFOSOC dan sebagainya langsung tenggelam. Apakah usaha Kementerian untuk memastikan kita tidak ketinggalan dalam bidang ICT.
11. PN-1132-L1183
Dato' Haji Muhamad bin Haji Abdul Ghani minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan sejauh manakah keberkesanan kempen memerangi dadah yang dilaksanakan oleh Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) dan berapakah peratus penurunan daripada kempen tersebut.
12. PN-1132-L1289
Datin Paduka Nor Hayati Binti Tan Sri Dato' Seri Onn minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan rancangan bersepadu Kementerian bersama PBT dalam menangani aktiviti perniagaan seks dan tarian bogel yang rata-rata ditawarkan oleh pusat-pusat hiburan khususnya di pusat-pusat karaoke.

13. PN-1132-L976
Datuk Yaakob bin Haji Mohammad minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah prinsip Rukun Negara telah berjaya diterap bagi melahirkan rakyat Malaysia yang menghayati semangat setia kawan, cintakan negara dan keharmonian kaum serta apakah strategi yang terbaru sedang dan akan dilaksanakan oleh Kerajaan bagi menjamin perpaduan kaum di negara ini dapat dikekalkan selama-lamanya.
14. PN-1132-L1024
Datuk (Dr.) Jins bin Shamsudin minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan tidakkah Kementerian bercadang menghidupkan semula sistem penjurian Bintang RTM yang telah banyak melahirkan penyanyi-penyanyi terkenal seperti Sharifah Aini, Jamal Abdillah, Sudirman Hj. Arshad, Siti Nurhaliza dan lain-lain lagi dan bukan menggunakan kaedah SMS.
15. PN-1132-L923
Puan Hajah Siti Rokiah binti Mohd Zabidin minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jalan penyelesaian yang telah diambil oleh Kementerian dalam mengendalikan Tabung Pesakit Kronik seperti mana yang didakwa oleh ramai pihak sebagai terlalu birokrasi.
16. PN-1132-L1070
Tuan Munusamy a/l Mareemuthu minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menambahkan lagi skim-skim FELDA memandangkan kehendak bagi komoditi getah dan minyak kelapa sawit telah meningkat.
17. PN-1132-L1305
Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan secara terperinci berapakah jumlah hasil pendapatan negara melalui sumber pendapatan arak daripada tahun 2000 hingga 2005 dan berapakah kilang arak yang masih ada di dalam Malaysia mengikut negeri serta secara jelas siapakah pemegang-pemegang saham bagi setiap syarikat pengeluaran arak tersebut.
18. PN-1132-L1327
Tuan Tay Puay Chuan minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan bilakah Kementerian akan memberi subsidi diesel kepada petani seperti yang diberikan kepada nelayan dan sektor pengangkutan awam.
19. PN-1132-L1238
Tuan Wan Nordin bin Che Murat minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sama ada terdapat mekanisme yang boleh diguna pakai untuk memastikan aduan mengenai ketidakcekapan dan salah laku kakitangan PBT di seluruh negara akan dapat dipantau di peringkat Kementerian. Ia harus diadili dengan seadilnya memandangkan kegagalan Kerajaan Negeri bagi menanganinya kerana kepincangan di dalam Akta Kerajaan Negeri itu sendiri.

20. PN-1132-L909
Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-
- (a) apakah pemantauan dilakukan ke atas farmasi-farmasi, klinik swasta dan salun-salun kecantikan bagi memastikan perkhidmatan perubatan dan kesihatan menepati piawaian yang ditetapkan bagi menjamin keselamatan pengguna; dan
 - (b) sejauh mana langkah dan tindakan telah dijalankan oleh pihak berkuasa bagi memastikan pengeluaran ubat-ubatan tradisional mematuhi akta yang telah ditetapkan dan setakat ini, berapa banyak ubat-ubatan tiruan yang berjaya dirampas dan berapa banyak nilai rampasan tersebut.
21. PN-1132-L1074
Tuan Lee Chee Keong minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sebab-sebab sesetengah sekolah dikehendaki menampung sehingga 45 atau lebih orang murid dalam satu bilik darjah manakala sekolah-sekolah lain tidak diwajibkan berbuat demikian.
22. PN-1132-L956
Che Puan Sri Kelana D'raja Datin Nik Azizah binti Haji Nik Yahya minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapakah jumlah peniaga warga asing yang ditangkap dan jumlah peniaga tempatan yang menjual permit niaga mereka kepada warga asing. Apakah langkah-langkah bagi mengatasi kebanjiran peniaga warga asing di pasar malam dan pasar tani.
23. PN-1132-L1205
Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian supaya badan-badan sukan tidak dipolitikkan dan bebas dari campur tangan pihak istana dan ahli politik dan dikhuatiri bahawa dengan campur tangan dan terlalu banyak 'politicking' sehingga menyebabkan mutu sukan negara kita makin merosot.
24. PN-1132-L1282
Datin Paduka Nor Hayati Binti Tan Sri Dato' Seri Onn minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan jumlah pembinaan sekolah-sekolah yang terbengkalai mengikut negeri di seluruh negara, kesannya terhadap pendidikan pelajar dan pelan tindakan Kementerian untuk menyelesaikan masalah ini.
25. PN-1132-L1303
Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan kategori dan taburan ibu tunggal mengikut negeri serta kelayakan mengikut tafsiran ibu tunggal yang memerlukan bantuan. Apakah perancangan dan jenis program bantuan untuk anak-anak kepada ibu tunggal yang diusahakan oleh Kerajaan.

26. PN-1132-L829
Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan tindakan-tindakan Kementerian dalam menggalakkan atau mendorong stesen-stesen tv swasta tidak berbayar dan berbayar melaksanakan tanggungjawab mereka terhadap pembangunan sahsiah belia negara.
27. PN-1132-L1213
Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan masalah pengangguran yang semakin meruncing di kalangan siswazah meskipun banyak pusat latihan diwujudkan tetapi masalah pengangguran masih belum dapat diatasi memandangkan setiap tahun ramai siswazah yang tamat pengajian di IPTA dan IPTS, sedangkan siswazah yang lama belum memperolehi pekerjaan inikan pula siswazah yang baru tamat pengajian. Bagaimana caranya Kerajaan mengatasi masalah ini.
28. PN-1132-L957
Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan mengapa skel Gaji Pembantu Pengurusan Murid (PPM) di Pra Sekolah N17 bergaji RM656.30 dan pembantu Tadbir Rendah PTR N11 bergaji RM525.62. Bagaimana berlaku perbezaan yang banyak sedangkan tugas sebagai PTR lebih membebankan.
29. PN-1132-L885
Tuan Chua Kim Chuan minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan adakah "Malaysia My Second Home" One Stop Center yang dilancarkan di Kementerian benar-benar beroperasi sebagai pusat sehenti kerana terdapat tuduhan bahawa ia tidak berfungsi sepenuhnya dan proses kelulusan permohonan masih di bawah bidang kuasa Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.
30. PN-1132-L894
Tuan Chiam Yong Tee minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan sama ada pendaftaran untuk semua pengguna telefon bimbit untuk mencegah unsur-unsur jenayah telah selesai. Jika belum, apakah sebabnya.
31. PN-1132-L1119
Tuan Osman bin Bungsu minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan apakah cadangan Kerajaan dalam usaha memperbaiki sistem latihan dan program pemulihan yang digunakan bagi memulihkan para penagih di pusat serenti sekarang, memandangkan sistem dan program latihan yang ada sekarang kurang berkesan bagi memulihkan penagih.
32. PN-1132-L849
Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan kemajuan atau hasil rundingan Kementerian dengan IPP mengenai bayaran yang disifatkan sebagai tidak adil atau berat sebelah.

33. PN-1132-L1072
Dato' Sri Empiang Jabu minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan perkembangan terkini keadaan di Timor Leste dan berapa lama pasukan Angkatan Tentera Malaysia akan berada di Timor Leste untuk membantu menenteramkan keadaan di sana.
34. PN-1132-L1264
Datuk Armani binti Haji Mahiruddin minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah Kementerian tidak sedar wujudnya beberapa buah hospital Kerajaan yang kurang memberi khidmat yang baik kepada para pesakit terutama kepada wanita (ibu) yang hendak bersalin.
35. PN-1132-L946
Tuan Lee Sing Chooi minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah masalah yang dihadapi oleh projek bagi membantu belia keturunan India yang berisiko tinggi dan apakah perkembangan projek ini dan keberkesanannya.
36. PN-1132-L1252
Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Sujak minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menggesa bank-bank mewujudkan satu unit khas atau pun khusus untuk membantu pelanggan-pelanggan pinjaman kecil yang bermasalah menyelesaikan masalah mereka dengan cepat serta mengkategorikan mereka sebagai pelanggan yang boleh dibantu dan secara tidak langsung dapat membantu mereka daripada disenarai hitamkan.
37. PN-1132-L1022
Datuk (Dr.) Jins bin Shamsudin minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan tidakkah Kerajaan bercadang untuk mengenakan hukuman yang lebih berat ke atas pengusaha dan kilang cetak rompak CD dan VCD haram termasuk merampas harta benda dan dikenakan sebatan jika disabit kesalahan.
38. PN-1132-L835
Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan jumlah peruntukan skim gaji baru yang telah disalurkan kepada kakitangan penjara seluruh negara dan langkah-langkah yang bakal diambil oleh Kerajaan bagi mempertingkatkan taraf hidup kakitangan-kakitangan penjara agar setaraf dengan tuntutan sara hidup masa kini.
39. PN-1132-L1154
Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah hasil kutipan zakat oleh PPZ Wilayah Persekutuan tahun lalu. Berapakah komisyen yang diperolehi oleh syarikat yang menguruskan kutipan ini dan apakah jenis pelaburan saham dan berapakah hasil keuntungannya. Siapa pula yang meluluskan pelaburan ini, adakah Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan atau Pengerusi MAIWP.

40. PN-1132-L1136
Tuan Fatanah bin Datuk Haji Ahmad minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan diambil oleh Kementerian bagi membantu para petani supaya mereka lebih mudah mendapatkan pinjaman kewangan bagi tujuan pertanian di mana secara tidak langsung ia dapat mempertingkatkan hasil pendapatan mereka.
41. PN-1132-L1219
Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan tentang keberkesanan program MLVK yang diadakan khusus untuk siswazah yang menganggur.
42. PN-1132-L1049
Tuan Wilson Sagamani a/l Paul Devasagayam minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah kita cukup bersedia menghadapi sebarang kemungkinan ancaman wabak selesema burung. Ini termasuklah ubat-ubatan yang diperlukan, peralatan atau keperluan hospital dan perubatan kecemasan.
43. PN-1132-L964
Che Puan Sri Kelana D'raja Datin Nik Azizah binti Haji Nik Yahya minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan sama ada usaha memperkasakan dan memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa sejagat boleh diguna pakai di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB).
44. PN-1132-L892
Tuan Chiam Yong Tee minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan adakah Kerajaan melaksanakan projek-projek pemulihan untuk sungai-sungai yang tercemar dengan serius. Apakah hasilnya jika ada.
45. PN-1132-L988
Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi minta **MENTERI KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN** menyatakan kenapakah filem-filem tempatan masih tidak bermutu. Kenapakah filem tidak bermutu itu berjaya menjadi filem 'box office'. Apakah langkah Kerajaan untuk memartabatkan industri perfileman tempatan.
46. PN-1132-L1237
Tuan Wan Nordin bin Che Murat minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan perancangan atau tindakan yang diambil bagi mengatasi masalah banjir serta perancangan perparitan yang amat buruk. Perancangan perparitan yang strategik haruslah lebih efisien bagi mengelakkan bencana alam berlaku serta kemusnahan hidupan laut.
47. PN-1132-L1304
Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain minta **PERDANA MENTERI** menyatakan satu tafsiran jelas definisi Halal daripada proses penyembelihan hingga pengedaran untuk dijadikan panduan bagi peniaga-peniaga yang menjalankan perniagaan berasaskan makanan untuk orang Islam.

48. PN-1132-L874
Datuk Soon Tian Szu minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan untuk membangunkan potensi di kalangan belia supaya mereka boleh menjadi warga negara yang sihat dan bertanggungjawab pada masa hadapan, setakat ini berapakah pelatih yang telah meninggal dunia semasa mengikuti Program Latihan Khidmat Negara dan apakah punca-punca kematian tersebut.
49. PN-1132-L1174
Dato' Haji Muhamad bin Haji Abdul Ghani minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menubuhkan Jabatan Hal Ehwal Bekas Polis Diraja untuk menjaga kebajikan bekas-bekas polis dan keluarga mereka.
50. PN-1132-L1003
Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengenai penubuhan Dana Amanah Bumiputera dengan modal sebanyak RM2 bilion yang bertujuan menggalakkan pemilikan Bumiputera dalam hartanah. Apakah kejayaan yang dicapai sejak ianya ditubuhkan dan bagaimanakah Kerajaan mengurus dan memantau dana tersebut kerana sektor hartanah komersil adalah berisiko tinggi.
51. PN-1132-L823
Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed minta **PERDANA MENTERI** menyatakan garis panduan yang telah dirangka oleh Majlis Fatwa Kebangsaan berhubung penganjuran konsert dan majlis keramaian di tempat-tempat awam.
52. PN-1132-L931
Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa banyak Rumah Mesra Rakyat yang telah mendapat kelulusan mengikut negeri-negeri sehingga kini, berapa banyak yang telah siap dibina dan berapa banyak pula yang masih tidak dapat disiapkan. Adakah Kementerian bercadang untuk menambah kos pembinaan Rumah Mesra ini memandangkan kos bahan-bahan keperluan yang meningkat.
53. PN-1132-L915
Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan setakat ini berapa banyak projek pembinaan balai polis yang terbengkalai di seluruh negara, berapa nilai projek tersebut dan apakah tindakan yang dikenakan ke atas kontraktor yang gagal menyiapkan projek berkenaan.
54. PN-1132-L1092
Puan Hajah Wan Hazani binti Wan Mohd Nor minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah Kementerian tidak bercadang untuk memperbanyakkan bilangan sekolah menengah kerana masih terdapat banyak lagi sekolah yang mempunyai murid lebih 1,500 orang khususnya di kawasan pedalaman.

55. PN-1132-L925
Puan Hajah Siti Rokiah binti Mohd Zabidin minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sejauh manakah pencapaian pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris di Sekolah Menengah di luar bandar.
56. PN-1132-L1260
Tuan Ismail bin Kasim minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan terdapat keluhan para guru yang mendakwa terpaksa menghabiskan banyak masa untuk melaksanakan tugas-tugas pentadbiran selain daripada mengajar. Apakah tindakan Kerajaan untuk menangani masalah ini.
57. PN-1132-L1099
Datuk Chew Vun Ming minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan pelbagai kes yang tidak diingini berlaku di kem-kem Pusat Latihan Khidmat Negara seperti kes pergaduhan dan telah mengakibatkan kematian seorang pelajar baru-baru ini. Kejadian ini telah mencetuskan kebimbangan di kalangan ibu bapa mengenai keselamatan anak-anak mereka di kem-kem tersebut. Apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak Kerajaan di dalam menjamin keselamatan para pelajar.
58. PN-1132-L899
Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan berapa banyak syarikat pengeluar dan pengilang beras selain daripada Syarikat Padi Beras Nasional (BERNAS), apakah jaminan Kerajaan bahawa harga beras tidak akan dinaikkan oleh pengeluar dan pengilang akibat daripada kenaikan harga minyak dan sepanjang tahun lalu, berapa banyak metrik tan beras yang diimport untuk kegunaan tempatan.
59. PN-1132-L996
Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah bentuk birokrasi yang menghalang syarikat-syarikat besar luar negara untuk datang melabur di Malaysia seperti mana yang didakwa oleh syarikat dari India iaitu IT Infosys Technologies Ltd. Apakah langkah proaktif Kerajaan untuk mengatasi masalah tersebut.
60. PN-1132-L1319
Datuk Dr. Lee Chong Meng minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan adakah Kementerian berminat atau merancangkan bahawa 60,000 unit rumah kos rendah di Wilayah Persekutuan yang dibina oleh DBKL dijual kepada golongan keluarga yang berpendapatan rendah. Setakat ini, jumlah subsidi yang telah dibelanjakan untuk membiayai keluarga-keluarga yang miskin melalui projek PPR.

61. PN-1132-L1111
Puan Hajah Wan Ramlah binti Wan Ahmad minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan diambil oleh PDRM dalam meningkatkan imej anggota-anggota PDRM dalam membanteras mereka daripada terlibat dengan gejala rasuah.
62. PN-1132-L1193
Tuan Tan Bon You minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kementerian telah menetapkan syarat-syarat kepada pertubuhan-pertubuhan yang mahu mendaftar nama pertubuhan mereka dengan menggunakan nama Cina agar tiada dua persatuan yang menggunakan nama yang sama.
63. PN-1132-L857
Tuan Gooi Hoe Hin minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada Kementerian sedar bahawa kawasan-kawasan Hospital Kusta Sungai Buloh telah diserahkan kepada Institusi pendidikan tertentu dan apakah akan terjadi kepada penghuni-penghuni serta pelbagai bangunan yang masih ada di situ.
64. PN-1132-L1081
Dato' Rhina Bhar minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mengkaji kenaikan bagi gaji Jurubahasa Mahkamah yang terlalu rendah dan sebab itu mendapat masalah untuk khidmat Jurubahasa di Mahkamah di seluruh negara terutamanya Jurubahasa Bahasa Cina.
65. PN-1132-L884
Tuan Chua Kim Chuan minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah unit JPA 3 (Jabatan Pertahanan Awam) dan bilangan ahli yang sedia ada bagi tahun 2005 dan 2006.
66. PN-1132-L1053
Dato' Sri Empiang Jabu minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan bilangan kaum lelaki yang memainkan peranan mengurus rumah tangga ataupun 'house-husband', di Malaysia dan adakah Kerajaan akan menggalakkan peranan ini di antara kaum lelaki.
67. PN-1132-L1330
Datuk Haji Roslan bin Awang Chik minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah kemudahan tambang menaiki MAS dikuotakan untuk tempahan tiket ini. Adakah MAS bercadang untuk memberi potongan yang sama untuk tempahan destinasi luar negara.

68. PN-1132-L1313
Datuk Dr. Lee Chong Meng minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan untuk mempromosikan Bukit Bintang sebagai salah satu destinasi pelancongan yang popular di Malaysia, apakah tindakan positif telah dan akan diambil selaras dengan dasar-dasar yang diputuskan oleh Kerajaan kerana negara-negara jiran pun telah memperhebatkan promosi mereka untuk menarik pelancong-pelancong asing dari Asia, Asia Barat dan Eropah
69. PN-1132-L1065
Tuan Munusamy a/l Mareemuthu minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan setakat ini ramai pelajar lepasan SPM telah mengikuti Program Latihan Khidmat Negara. Adakah Kementerian bercadang untuk memantau aktiviti mereka selepas tamat program ini memandangkan mereka juga telah mendapat latihan menggunakan senjata.
70. PN-1132-L1276
Tuan Ahmad bin Hussin minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah peruntukan yang diperuntukkan oleh FELDA untuk Tabung Ekonomi Felda sehingga kini. Berapakah jumlah generasi kedua Felda yang telah menerima bantuan tersebut.
71. PN-1132-L1146
Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tidakkah berlaku konflik kepentingan apabila Menteri di JPM yang bertanggungjawab ke atas Lembaga Urusan Tabung Haji (LUTH), mempengaruhi Mesyuarat MAIWP yang beliau juga sebagai Pengerusi menganugerahkan Projek Majlis seperti Hospital Pusrawi dan Wisma Wakaf Jalan Perak kepada anak syarikat LUTH. Tidakkah Projek Wisma Wakaf terdedah kepada risiko tinggi kerana pembinaan ruang pejabat telah dibekukan oleh DBKL di kawasan itu kerana banyak ruang pejabat masih kosong di kawasan segi tiga emas.
72. PN-1132-L947
Tuan Lee Sing Chooi minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah proses dan tatacara permohonan naik taraf gred sekolah bagi sekolah baru dan sekolah yang telah pindah lokasinya dan biasanya berapa lama proses ini diambil. Apakah status permohonan naik taraf gred sekolah bagi SJK (C) Puay Chai 2 dan SJK (C) Chee Wen di daerah Petaling, Selangor.
73. PN-1132-L1142
Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan hasil kenaikan tarif elektrik baru-baru ini, apakah jenis kediaman yang tidak terjejas kerana menggunakan elektrik di bawah 200kw/jam. Apakah rakyat di luar bandar yang banyak menggunakan perkakas elektrik dan TV Astro akan turut terjejas dengan kenaikan tarif ini.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. (D.R. 11/2006) Rang Undang-undang Profesion Undang-undang (Pindaan) 2006 – **Menyambung semula Perbahasan atas masalah “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang”.** [25 Julai 2006]

 2. (D.R. 15/2004) Rang Undang-undang Kanun Keseksaan **Bacaan Kali Yang Kedua** (Pindaan) 2004
- DAN
- (D.R. 16/2004) Rang Undang-undang Kanun Tatacara “
Jenayah (Pindaan) 2004

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN NEGARA)**

<u>TAHUN 2006</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST.129	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH) Bagi Tahun 2004 (Telah Diaudit)	26 Julai 2006
ST.130	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) Bagi Tahun 2004 (Telah Diaudit)	26 Julai 2006
ST.133	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia Bagi Tahun 2003 (Telah Diaudit)	26 Julai 2006
ST.134	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Malaysia Sabah Bagi Tahun 2004 (Telah Diaudit)	26 Julai 2006
ST.137	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA) Bagi Tahun 2004 (Telah Diaudit)	26 Julai 2006
ST.138	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA) Bagi Tahun 2004 (Telah Diaudit)	26 Julai 2006
ST.174	Laporan Tahunan Suruhanjaya Syarikat Malaysia Bagi Tahun 2005	26 Julai 2006
ST.175	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) Bagi Tahun 2004 (Telah Diaudit)	26 Julai 2006